

07/07/2001

Ibu bapa diminta tanam semangat kebangsaan Melayu

SUNGKAI, Jumaat - Ibu bapa disaran menanam semangat kebangsaan Melayu kepada anak-anak yang berusia kurang 18 tahun, supaya mereka menghargai dan mencintai perjuangan Umno yang banyak berjasa kepada negara.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata ibu bapa adalah orang yang paling hampir dengan anak-anak dan mampu menyemai semangat nasionalisme di dalam diri mereka.

"Perjuangan Umno perlu disemai sejak kecil kerana pelbagai ancaman dari luar cuba mencemarkan pemikiran anak-anak," katanya pada majlis pelancaran Kempen Anakku Ahli Umno anjuran Pemuda Umno dan Wanita Umno bahagian Tanjung Malim di Kampung Rahmat, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, aktiviti itu susulan amanat perdana Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu pergerakkan itu mencari lima ahli baru, mendaftar ahli yang cukup umur sebagai pemilih dan menyiapkan bilik gerakan Pemuda Umno di setiap cawangan.

Katanya, beliau juga sudah meminta semua bahagian Umno supaya mengenal pasti dan melatih sekurang-kurangnya 40 kadet Umno, khususnya golongan muda, untuk meneruskan perjuangan parti.

Beliau yakin jika semua bahagian dapat bekerja keras, tidak mustahil Barisan Nasional (BN) akan terus mempertahankan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya umum akan datang.

Mengenai pembabitan remaja, khususnya pelajar dalam politik, beliau berkata, perkara itu tidak dapat dielakkan.

Bagaimanapun, katanya politik kepartian yang bersih dan tidak menjurus kepada kebencian dan perpecahan perlu dibenarkan.

(END)